

**AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993**  
**PERATURAN-PERATURAN DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1994**  
**NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF KAJIAN SEMULA PENTADBIRAN**  
**(SR 01/08)**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28(4) dan (6) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504], Kerajaan Malaysia telah membuat penentuan muktamad afirmatif kajian semula pentadbiran ke atas import *newsprint* dalam bentuk gulungan yang berasal atau dieksport dari Kanada, Republik Indonesia, Republik Korea, Republik Filipina dan Amerika Syarikat.

**Sebab-sebab bagi penentuan**

2. Sebab-sebab bagi penentuan afirmatif adalah seperti yang berikut:
  - (a) import dari Kanada berkemungkinan menyebabkan lambakan berulangan sekiranya duti anti-lambakan ditamatkan;
  - (b) import dari Republik Indonesia berkemungkinan menyebabkan lambakan berterusan sekiranya duti anti-lambakan ditamatkan;
  - (c) import dari Republik Korea berkemungkinan menyebabkan lambakan berulangan sekiranya duti anti-lambakan ditamatkan;
  - (d) import dari Republik Filipina berkemungkinan menyebabkan lambakan berulangan sekiranya duti anti-lambakan ditamatkan;
  - (e) import dari Amerika Syarikat berkemungkinan menyebabkan lambakan berterusan sekiranya duti anti-lambakan ditamatkan; dan
  - (f) penamatkan duti anti-lambakan berkemungkinan menyebabkan kemudaran kepada industri dalam negeri berterusan.

**Duti anti-lambakan**

3. Duti anti-lambakan yang dikenakan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**Sebab bagi duti anti-lambakan**

4. Sebab bagi duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 3 adalah untuk mencegah lambakan berterusan atau berulangan dan kemudaran berterusan kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran di bawah kajian.

## **Tempoh pengenaan duti anti-lambakan**

5. Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 3 hendaklah terpakai bagi tempoh lima tahun dari tarikh penyiaran notis ini dalam Warta.

### **JADUAL**

[Perenggan 3]

### **DUTI ANTI-LAMBAKAN**

<i>Pengeluar/Pengeksport</i>	<i>Kadar duti (% daripada nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT))</i>
<b>Kanada</b>	
1. Bowater Mersey Paper Company, Ltd.	33.55%
2. Abitibi Consolidated Inc.	33.55%
3. Lain-lain	33.55%
<b>Republik Indonesia</b>	
1. C.V. Setia Kawan	22.87%
2. PT. Adiprima Suraprinta	5.59%
3. PT. Aspex Kumbong	10.20%
4. PT. Kertas Leces (Persero)	17.29%
5. PT. Suparma Tbk	33.14%
6. Lain-lain	33.14%
<b>Republik Korea</b>	
1. Bowater Korea Ltd. (dikenali sebagai Bowater-Halla Paper Co., LTD. di dalam penyiasatan asal)	43.24%
2. Daehan Paper Co. Ltd.	43.24%
3. Pan Asia Paper Co.	43.24%
4. Paper Corea Inc.(dikenali sebagai Sepong Corp. di dalam penyiasatan asal)	43.24%
5. Lain-lain	43.24%
<b>Republik Filipina</b>	
1. Trust International Paper Corporation	31.74%
2. Lain-lain	31.74%

Amerika Syarikat	
1. Bowater Incorporated	39.20%
2. Abitibi Consolidated Inc.	39.20%
3. Lain-lain	39.20%

Bertarikh 2 Mac 2009  
[MITI/ID/(S)/AP/AD/045/22-SR Jld. 24; PN (PU<sup>2</sup>)529/IX]

TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN BIN HJ. MOHD. YASSIN  
*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*